

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

YMT 202 - Media dan Masyarakat

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

---

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Sebagai seorang wartawan anda akan diberi kenyataan akhbar (press release) ketika anda menghadiri sidang akhbar (press conference). Kadangkala anda akan diberi tiket penerbangan percuma dan/atau dijemput ke majlis-majlis jamuan makan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Bagaimanakah teknik-teknik pengurusan berita ini dapat mempengaruhi tindak-tanduk anda sebagai seorang wartawan yang bertanggungjawab kepada pembaca anda? Bagaimanakah anda dapat mengatasi masalah ini?

2. Bagaimanakah akhbar-akhbar di Malaysia dapat menepati dakwaan mereka bahawa merekalah "Suara Rakyat," atau "Penyebarkan fikiran Rakyat," atau "Suratkhabar Rakyat"? Bincangkan.
3. Sebagai pendidik, media massa perlu menyemai nilai-nilai secepat di kalangan ahli-ahli masyarakatnya. Bincangkan tiga nilai yang wajar diperkembangkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.
4. Bincangkan mengapa sifat ingin tahu amat penting bagi seseorang wartawan dalam negara demokrasi seperti Malaysia yang sedang berusaha membasmi kemiskinan dan menyatupadukan rakyat.
5. Bincangkan kelebihan dan kelemahan filem sebagai alat sebaran am jika dibandingkan dengan akhbar.
6. Di antara tuduhan yang dilemparkan kepada filem ialah media ini dapat meruntuhkan akhlak masyarakat. Bincangkan pendapat ini.

-ooo000ooo-